

# PEMBUKUAN DAN PENDIGITALAN HADITH: ISU DAN CABARAN

Aisyah Binti Abdul Satar<sup>1</sup>  
Nur Najihah Binti Mohd Isa<sup>2</sup>  
Ainnur Annisa Binti Mohd Khairul Anwar<sup>3</sup>  
Maisarah Binti Saidin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (E-mail: aisyahsatar11@raudah.usim.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia, (Email: nur.najihah@raudah.usim.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia (E-mail: ainnurannisa25@raudah.usim.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, (USIM), Malaysia (Email: maisarah@usim.edu.my)

---

**Abstrak:** Hadith merupakan sumber Islam selepas al-Quran yang menjadi rujukan utama umat Islam sedunia. Perkembangan teknologi tanpa sempadan ini membantu masyarakat meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman tentang hadith Nabi SAW seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Namun begitu, pendigitalan hadith ini secara tidak langsung telah menimbulkan pelbagai isu kepada masyarakat Islam, antaranya penyebaran hadith melalui media sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti isu dan cabaran berkaitan pendigitalan hadis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap sumber primer seperti kitab-kitab hadis dan sumber sekunder seperti, artikel, jurnal dan sebagainya. Kajian mendapati bahawa maktabah syamilah membantu masyarakat dalam mengenalpasti kesahihan hadith. Dapatan kajian boleh dijadikan sebagai panduan penggunaan hadith digital dengan mengambil langkah berhati-hati daripada mempromosikan hadith yang tidak berautoriti. Usaha pendigitalan hadith ini dilihat sebagai medium transformasi pendidikan teras Islam yang mengintegrasikan ilmu wahyu dengan teknologi moden yang memberi manfaat besar kepada umat manusia khususnya Muslim sejagat selari dengan agenda globalisasi dunia hari ini. Kesimpulannya, kajian bidang hadith berdasarkan teknologi maklumat dan digital perlu dikembangkan lebih jauh agar mampu memberikan impak besar kepada kesarjanaan hadith dan mekanisme penyebaran ilmu yang berkualiti dan berkesan.

**Kata Kunci:** Pendigitalan hadith, perkembangan teknologi, kesarjanaan hadith

---

## **PENGENALAN**

Tidak dapat dinafikan lagi tentang kedudukan hadith dalam Islam dan peranan serta pengaruhnya kepada perundangan Islam semenjak dari zaman Rasulullah S.A.W dan sahabat sehingga zaman para-Imam Mujtahid. Dapat dilihat juga bahawa dunia digital pada hari ini berkembang dengan pesat. Pelbagai teknologi digital yang diperkenalkan untuk pelbagai tujuan dan matlamat yang merangkumi pelbagai keperluan dalam kehidupan manusia pada hari ini.

Pada hakikatnya, dalam era kini, media baharu dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media yang lain. Namun sejak kebelakangan ini, walaupun media sosial digunakan secara berfaedah, terdapat juga isu yang dibawa oleh pihak tertentu yang cuba menyalahgunakan pendigitalan hadith dengan mencabar kedudukan dan fungsi hadith dalam Islam melalui penggunaan media elektronik. Ini bukanlah satu fenomena baharu, bahkan isu ini dilihat timbul sebelum wujudnya media elektronik dan ianya untuk mencapai tujuan yang sama, iaitu menyesatkan umat Islam dari sumber utama akidah mereka. Natijahnya, perlu diberikan penjelasan berkaitan penggunaan hadith dan peranan yang dimainkan dalam pendigitalan hadith dan media sosial.

Menyampaikan ilmu merupakan suatu tuntutan dalam Islam berdasarkan hadith Nabi:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Hadis riwayat Imam al-Bukhari

Maksudnya: Sampaikanlah kalian daripadaku walaupun sepotong ayat.

## **METODOLOGI**

Bagi menangani masalah dan kesukaran yang berkaitan dengan laman web atau perisian yang berkaitan dengan hadith, fokus utama perbincangan dalam artikel ini adalah menjurus kepada kritikan terhadap beberapa kriteria utama yang digunakan dalam proses pendigitalan hadith. Kriteria ini akan berfungsi sebagai asas utama dan paling penting yang akan menjadi kayu pengukur untuk penilaian laman web atau perisian yang melibatkan pembangunan laman web atau perisian berkaitan hadith.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian analisis dokumentasi digunakan bagi mengumpul data yang terdapat dalam bentuk bahan cetak dan bahan elektronik. Ini bagi membolehkan penyelidik merujuk dengan lebih mendalam berhubung dengan strategi terjemahan melalui bahan-bahan ilmiah bercetak seperti buku, jurnal bahasa, jurnal pendidikan, tesis, kertas kerja dan konvensyen yang berhubung secara langsung dan tidak langsung dengan bidang ini bagi membolehkan penyelidik menghuraikan cara pengintegrasian secara terperinci dan jelas.

## **PEMBUKUAN HADITH PADA ZAMAN DAHULU**

### **ZAMAN SAHABAT**

Sebelum perbincangan lanjut mengenai penulisan dan pembukuan hadith pada zaman sahabat, wajar dibincang terlebih dahulu sikap para sahabat terhadap kegiatan penulisan hadith itu sendiri. Ini kerana sikap para sahabat merupakan asas dan penentu kepada perkembangan penulisan hadith pada zaman mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu, walaupun terdapat hadith yang membenarkan dan melarang aktiviti penulisan hadith, namun tidak semua sahabat yang suka atau menggalakkan aktiviti penulisan hadith. Senario ini membayangkan terdapat pro dan kontra di kalangan sahabat dalam melihat isu ini. Satu kumpulan membenar dan menggalakkan penulisan hadith, manakala satu kumpulan lagi bersikap sebaliknya. Antara sahabat yang melarang dan tidak menggalakkan penulisan hadith ialah Abu Bakr al-Siddiq, 'Umar ibn al-Khattab dan Iain-lain lagi. Sementara sahabat yang menggalakkan aktiviti penulisan hadith, antaranya ialah Anas ibn Malik, Jabir ibn 'Abd Allah dan Iain-lain lagi.

Wujudnya perbezaan pendapat di kalangan para sahabat inilah yang menyebabkan aktiviti penulisan dan pembukuan hadith pada zaman mereka gagal mencapai kemajuan yang membanggakan. Dengan kata lain, penulisan dan pembukuan hadith pada zaman sahabat tidak mengalami apa-apa perubahan selain dari melanjutkan apa yang dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. Ini bermakna apa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. itulah juga yang berlaku pada zaman sahabat. Hadith hanya dicatat dan ditulis oleh sebahagian sahabat sebagai usaha dan inisiatif individu semata-mata.

Antara sahabat yang menghasilkan sahifah pada zaman sahabat ialah Abu Hurayrah r.a. melalui seorang tabi'in terkenal, iaitu Hammam ibn Munabbih. Sahifah ini lebih dikenali dengan nama Sahifah Hammam. Berdasarkan kepada hadith-hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. Sahifah ini dikatakan mengandungi 134 hadith terbukti ditulis sekitar pertengahan kurun yang pertama Hijrah. Ini kerana Abu Hurayrah r.a. wafat pada tahun 59H dan sudah pasti ianya ditulis sebelum kewafatan beliau.

Sahifah ini, sebagaimana juga Sahifah 'Abd Allah ibn 'Amru merupakan satu dokumen sejarah yang amat penting dalam konteks pembukuan Hadith. Ini kerana ia merupakan satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa hadith telahpun dibukukan lebih awal sebelum kegiatan pembukuan hadith digerakkan pada zaman Imam al-Zuhri atau zaman Khalifah 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz. Ini sekaligus menolak dakwaan yang mengatakan hadith hanya dibukukan pada zaman Imam al-Zuhri ataupun zaman Khalifah 'Umar Abd al-'Aziz.

Selain daripada Sahifah Hammam, terdapat juga beberapa orang sahabat yang mengambil inisiatif sendiri menulis beberapa hadith. Antaranya ialah 'Usayd ibn Hudayr al-'Ansari, Zayd ibn dan Iain-lain.

Di samping menulis dan membukukan hadith dalam suhuf, para sahabat juga menggalakkan anak-anak dan murid-murid mereka mencatat dan menulis hadith. Antaranya Anas ibn Malik r.a. yang menggalakkan anaknya supaya menulis hadith. Begitu juga dengan 'Abd Allah ibn 'Abbas r.a., 'Umar ibn al-Khattab, 'Ali ibn Abi Talib yang menggalakkan murid-murid mereka supaya menulis dan merekodkan setiap ilmu yang dipelajari mereka. Mereka bersepakat mengatakan,

قيّدوا العلم بالكتاب

Maksudnya: "Rekodkan ilmu dengan kitab (penulisan)"?

Fakta-fakta di atas menjelaskan bahawa kegiatan penulisan dan pembukuan Hadith pada zaman sahabat berterusan, sebagaimana yang dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. Walau bagaimanapun, kegiatan ini cuma digerakkan atas inisiatif beberapa orang sahabat sahaja. Dengan kata lain, kegiatan pembukuan secara rasmi dan sistematik belum lagi wujud pada zaman sahabat, sepertimana juga pada zaman Rasulullah s.a.w. Malah tidak banyak

perkara baru yang berlaku pada zaman sahabat. Kegiatan yang dilakukan sekadar melanjutkan apa yang telah dilakukan pada zaman Rasulullah s.a.w. Walaupun terdapat riwayat yang menyatakan beberapa orang sahabat tidak menyukai, malah melarang aktiviti penulisan hadith, namun ini tidak bermakna mereka berpegang teguh dengan larangan Rasulullah s.a.w. agar jangan menulis hadith. Perkara ini terbukti apabila terdapat kalangan sahabat yang walaupun pada peringkat awalnya tidak menyukai kegiatan penulisan hadith, namun akhirnya mereka menyetujui malah menggalakkan kegiatan tersebut. Antara sahabat yang dimaksudkan ialah Abu Bakr al-Siddiq, 'Umar al-Khattab, Abii Said al-Khudri r.a dan Iain-lain lagi.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah larangan dan tegahan sebahagian sahabat Rasulullah s.a.w. daripada menulis hadith adalah berdasarkan kepada situasi dan keadaan yang tertentu sahaja. Apabila keadaan mengizinkan, misalnya wujud keadaan di mana hadith tidak bercampur-aduk dengan al-Qur'an dan adanya jaminan bahawa para sahabat tidak akan mengabaikan al-Qur'an sebagai kitab rujukan utama mereka, maka mereka bukan sahaja mengizinkan menulis hadith, malah turut menggalakkan umat Islam berbuat demikian.

## **ZAMAN TABIIN**

Sebagaimana para sahabat yang mempunyai pandangan dan sikap yang berbeza mengenai penulisan hadith, begitu juga dengan tabi'in. Perkara ini berlaku terutamanya pada zaman awal tabi'in. Terdapat banyak riwayat yang menjelaskan wujudnya perbezaan dan percanggahan pendapat di antara pro dan kontra di kalangan tabi'in mengenai penulisan hadith. Ini menyebabkan mereka seolah-olah terbahagi kepada dua kelompok, satu kelompok menyukai dan menggalakkan penulisan hadith dan satu kelompok lagi bersikap sebaliknya.

Antara kalangan tabi'in yang diriwayatkan tidak menyukai penulisan hadith ialah Ibrahim al-Nakha'i, 'Amir al-Sha'bi dan Iain-lain lagi. Sementara kalangan tabi'in yang menyukai dan menggalakkan aktiviti penulisan hadith ialah Sa'id ibn al-Musayyib, Mujahid ibn Jabr, al-Hasan al-Basri dan Iain-lain lagi. Faktor yang menyebabkan mereka berbeza pendapat adalah sama dengan faktor yang mendorong para sahabat berbeza pendapat dalam isu ini. Antaranya ialah faktor kebimbangan hadith akan bercampuraduk dengan pandangan dan ijtihad mereka di samping wujudnya kebimbangan di kalangan para tabi'in bahawa umat Islam akan bergantung sepenuhnya kepada hadith yang ditulis. Apatah lagi apabila hadith-hadith yang ditulis tadi akan terjatuh kepada golongan yang bukan ahlinya yang memungkinkan timbulnya kekeliruan di kalangan umat Islam.

Perbezaan pendapat di kalangan tabi'in dalam isu ini boleh dikatakan hanya berlaku di kalangan kibar tabi'in sahaja sehingga akhir abad pertama Hijrah. Setelah keadaan mengizinkan penulisan hadith, mereka telah bersepakat untuk menulis dan menggalakkan aktiviti penulisan hadith. Kata Imam al-Nawawi (maksudnya):

"Ulama salaf telah berselisih pendapat mengenai penulisan hadith; sebahagian melarangnya dan sebahagian yang lain mengharusnya, kemudian mereka bersepakat mengharuskannya"

Sementara Ibn al-Salah turut berkata (maksudnya):

"....Kemudian perselisihan tersebut terhapus dan umat Islam telah ijma' menyatakan harus menulis hadith kerana kalaulah hadith tidak dibukukan dalam bentuk kitab, nescaya ia akan pupus akhirnya"

Kegiatan penulisan dan pembukuan hadith pada zaman tabi'in dijalankan lebih aktif dan ia terus berkembang pesat jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya iaitu zaman sahabat.

Antara tabi'in yang membenarkan penulisan hadith termasuklah Sa'id ibn al-Musayyib Qatadah ibn Di'amah al-Sudus dan Iain-lain lagi. Sejak itu kegiatan penulisan hadith dijalankan dengan lebih aktif sehingga bilangan suhuf yang dihasilkan pada zaman tabi'in mengatasi suhuf yang ada pada zaman sahabat. Suhuf-suhuf ini menjadi asas rujukan kedua selepas suhuf yang ditulis pada zaman sahabat bagi ulama terkemudian yang berusaha menyusun kitab-kitab hadith.

Perkara ini berterusan sehinggalah Khalifah 'Umar ibn 'Abd al-'Aziz mengambil alih tampuk pemerintahan Khilafah Bani Umayyah pada tahun 99H. Bermula dari saat tersebut, kegiatan pembukuan hadith digerakkan secara rasmi iaitu setelah beliau mengeluarkan arahan rasmi kepada gabenor-gabenor di bawah jajahan takluknya serta para ulama di zamannya supaya hadith dikumpul dan dibukukan ke dalam satu kitab. Arahan tersebut merupakan titik peralihan kepada zaman kegemilangan kegiatan pembukuan hadith. Pada zaman pemerintahan Khalifah 'Umar Ibn Abd al-'Aziz kitab-kitab hadith berjaya dihasilkan dan pada zaman inilah juga munculnya ulama hadith terkenal.

Banyak faktor yang mendorong Khalifah 'Umar Abd al-'Aziz mengeluarkan arahan rasmi supaya hadith dikumpul dan dibukukan. Antaranya ialah kebimbangan beliau terhadap hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang kemungkinan besar akan hilang begitu sahaja kalau sekiranya tidak dibukukan dengan segera. Ini kerana ramai kalangan huffaz hadith yang telah meninggal dunia, sementara yang masih ada bertebaran di merata tempat yang berjauhan antara satu sama lain. Selain daripada itu, faktor tersebarnya perkara-perkara bid'ah dan khurafat secara meluas dalam masyarakat Islam, penyebaran hadith-hadith mawdu' akibat bertambahnya penganut agama Islam dan berlakunya perpecahan di kalangan umat Islam menjadi pendorong kepada munculnya kegiatan pembukuan hadith secara rasmi.

Walaupun usaha mengumpul dan membukukan hadith ke dalam satu kitab secara rasmi telah bermula dan giat dijalankan pada abad kedua Hijrah, namun kitab-kitab hadith yang dihasilkan oleh ulama pada abad tersebut mengandungi beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang dimaksudkan ialah kitab-kitab tersebut bercampuraduk antara hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dengan kata-kata sahabat dan fatwa-fatwa tabi'in. Selain daripada itu, kitab tersebut juga tidak disusun secara sistematik dan hadith-hadith yang dikumpul tidak lengkap serta tidak menyeluruh.

Selain daripada itu, terdapat juga ulama yang cuba mencipta kaedah bagaimana untuk mendapatkan sesuatu hadith dengan mudah. Kaedah tersebut adalah dengan menyusun hadith-hadith yang diriwayat dan dikumpul oleh ulama sebelumnya mengikut pangkal hadith dan kemudiannya hadith-hadith tersebut disusun pula mengikut huruf abjad. Kitab yang disusun mengikut kaedah ini dikenali dengan nama kitab al-Atraf. Antaranya kitab Atrafal-Sahihayn oleh al-Hafiz Ibrahim ibn Muhammad al-Dimashqi, kitab Atrdfal-Kutub al-Sittah oleh Muhifmmad ibn Tahir al-Maqdisi, dan Tuhfah al-Ashrafbi Ma'rifat al-Atraf oleh al-Hafiz al-Mizzi.

Proses perkembangan pembukuan hadith ini berterusan sehinggalah pusat pemerintahan kerajaan 'Abbasiyah, iaitu Kota Baghdad jatuh ke tangan kerajaan Tartar pada tahun 656H. Kejatuhan Baghdad ke tangan Tartar bukan sahaja menyebabkan proses penghasilan karya hadith menjadi kurang aktif, tetapi juga telah menyebabkan kegiatan tersebut berpindah dari Kota Baghdad ke negara Mesir dan seterusnya ke negara India. Namun ini tidak bermakna tiada karya hadith dihasilkan selepas tempoh tersebut.

Penghasilan kitab-kitab hadith ahkam secara berasingan juga mula diperkenalkan. Antaranya ialah kitab al-'Ilmdmfi Ahadith al-Ahkdm oleh ibn Daqiq al-'Id, dan kitab Bulugh al-Mardm Min Ahadith al-Ahkdm oleh al-HaTiz ibn Hajar al-'Asqalam. Begitu juga dengan kitab-kitab takhrij, iaitu kitab yang menyatakan sumber asal pengambilan sesuatu hadith yang terdapat dalam sesebuah kitab sama ada kitab akidah, tasawuf dan sebagainya.

Sumbangan ulama dalam usaha untuk memelihara dan menyebarkan al-sunnah al-nabawiyyah tidak terhenti hingga ke abad kesepuluh Hijrah sahaja, malah berterusan sehingga kini. Malah aspek dan skop sumbangan mereka semakin meluas termasuk usaha membuat tahqiq kitab hadith yang belum pernah dilakukan oleh ulama terdahulu. Selain daripada itu, ulama yang terlibat dalam usaha yang mulia ini tidak hanya terhad kepada mereka yang berasal dari negara Arab, sebaliknya turut melibatkan ulama yang menetap di negara India.

Perkembangan ilmu yang pesat di kalangan umat Islam khususnya ilmu Hadith adalah hasil kegigihan umat Islam sendiri dalam menyebarkan agama Islam sehingga agama suci tersebut bukan sahaja berjaya merentasi benua India, tetapi juga dapat dikembangkan sehingga ke Nusantara, termasuk Tanah Melayu dan Indonesia. Sebagaimana negara-negara Islam yang lain, rantau Nusantara juga telah berjaya melahirkan ramai ulama berwibawa dan mampu menghasilkan karya-karya ilmiah meliputi segenap bidang pengajian Islam. Antara ulama yang dimaksudkan ialah Syaikh Nuruddinal-Raniri, seorang tokoh ulama Nusantara yang terkenal pada abad ke sebelas Hijrah. Walaupun beliau lebih terkenal dalam bidang tasawuf dan akidah kerana telah menghasilkan banyak karya ilmiah bermutu dalam bidang-bidang tersebut, tetapi ini tidak bermakna beliau mengabaikan bidang yang lain, terutamanya bidang hadith. Malah beliau juga berjaya menghasilkan karya dalam bidang hadith. Adalah diakui bahawa beliau hanya menghasilkan satu sahaja karya ilmiah dalam bidang hadith. Namun demikian, karya tersebut amat bermakna dan memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan dan penyebaran hadith khususnya di rantau ini. Penghasilan karya tersebut juga dapat memperkayakan lagi khazanah hadith.

## **PENDIGITALAN HADITH PADA ZAMAN SEKARANG**

### **APLIKASI: MAKTABAH SYAMILAH**

Perisian Maktabah Syamilah atau nama lainnya “al-Mausu’ah al-Syamilah” adalah satu perisian berbahasa Arab yang terbesar. Ia juga adalah perisian paling popular lantaran mempunyai kelebihan yang banyak. Antara kelebihan utamanya adalah mesra pengguna dan mengandungi sumber rujukan utama Islam yang banyak termasuk dalam bidang sejarah, bahasa dan budaya Arab. Perisian ini diedarkan dalam talian secara percuma dan boleh dimuat turun daripada laman web.

Perisian ini mula dibangunkan dan diedarkan untuk kali pertama pada tahun 2005. Terdapat pelbagai jenis buku dengan ribuan jilid termasuklah kertas kerja persidangan, artikel, fatwa dan bahan-bahan ilmiah lain di dalamnya. Kebanyakan buku-buku yang terdapat di dalamnya adalah buku-buku klasik utama dalam bidang-bidang yang disebutkan tadi. Buku berkaitan hadis boleh dianggap di antara koleksi terbanyak yang terdapat dalam aplikasi ini.

Antara ciri mesra penggunaan aplikasi ini adalah pengguna boleh membuat salinan dengan mudah. Selain itu, walaupun mengandungi buku-buku yang banyak, tetapi perisian ini tidak berat. Maka tempoh proses yang diambil adalah singkat.

Maktabah Syamilah menggunakan bahasa Arab dan belum terdapat versi bahasa lain. Justeru, untuk menggunakannya, pengguna perlu mengetahui bahasa Arab.

Antara fungsi utama Maktabah Syamilah ialah:

- Boleh dinaik taraf dari semasa ke semasa.
- Kemudahan membaca buku.
- Kemudahan carian teks Quran.
- Kemudahan melihat tafsir Quran.
- Kemudahan menyalin teks.
- Kemudahan memuat turun buku.
- Kemudahan mencari maklumat perawi.
- Kemudahan mengubah aturcara perisian, seperti saiz tulisan bentuk tulisan (font) warna tulisan dan gambar latar.
- Kemudahan-kemudahan tersebut turut dimudahkan lagi dengan fungsi-fungsi lain yang mesra pengguna bagi setiapnya.

Selain itu, buku-buku yang terdapat di dalamnya dikategorikan mengikut bidang atau ciri-ciri tertentu. Tujuannya untuk memudahkan proses pencarian.

Sebahagian buku yang terdapat di dalamnya mempunyai maklumat lengkap; nama pengarang, nama penerbit, nama pentahqiq, edisi, tahun terbit, tempat terbit mengikut edisi buku bercetak. Buku-buku tersebut, nombor-nombor turutannya, muka surat dan jilid yang terpapar padanya adalah mengikut susunan buku bercetak. Dengan itu ia boleh digunakan bagi tujuan akademik dan bagi tujuan rujukan lain. Ada pun sebahagian buku yang lain tidak mempunyai maklumat lengkap, maka maklumat nombor-nombor muka surat dan jilid yang terpapar padanya tidak boleh dijadikan sandaran ilmiah.

Hadith mesti difahami dengan tepat dan benar, supaya tidak termasuk dalam golongan yang diancam oleh Nabi SAW. Daripada ‘Abd Allah bin al-Zubair RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Sesiapa yang berdusta ke atasku maka dia telah menempatkan kedudukan dirinya di neraka.

## **MEDIA SOSIAL**

Media sosial semakin menjadi tumpuan kepada semua individu seluruh dunia dalam membantu berkongsi maklumat penting dan berguna kepada masyarakat. Namun, di sebalik manfaat dan kemudahan daripada penggunaan media sosial, terdapat juga beberapa kesan negatif terhadap perkembangan fizikal, akademik dan akhlak seseorang individu terhadap masyarakat dan juga negara. Dapat dilihat bahawa banyak hadith-hadith palsu yang tersebar luas di media sosial seperti Facebook, Twitter dan Youtube. Malahan di youtube, banyak ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah yang tidak bertauliah, yang berkongsi hadith tanpa mengetahui kesahihan hadith tersebut. Juga terdapat banyak hadith-hadith da'if dan palsu yang tersebar dalam masyarakat dan menjadi masalah bagi ahli hadith. Ada hadis yang terkenal dalam masyarakat, malah telah menjadi asas amalan ibadat mereka yang menjadi kebimbangan setelah meneliti hadith-hadith itu ternyata ianya palsu (Al Farisy,2021). Berlaku banyak ketidaktepatan hadith-hadith yang disampaikan oleh para pendakwah dalam menyampaikan ceramahnya. Allah berfirman di dalam al-quran:

إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ أَلْحَبَّ عَيْ

Maksud: "Dan Kami akan memudahkan bagimu ke jalan kemudahan (mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat)" Surah Al-Alaq: ayat 8.

## **WEBSITE**

Pembangunan laman sesawang dan perisian hadith telah menjadi satu usaha penting dalam perkembangan pengajian hadith dan proses pembelajarannya. Medium internet menjadi tempat rujukan yang cepat dan pantas, serta menyediakan platform kepada kepelbagaian maklumat berkaitan dengan hadith. Namun demikian, masih terdapat perdebatan dan persoalan yang timbul bahawa maklumat yang tidak tepat tersebar luas seperti hadis palsu, kesilapan dalam teks dan terjemahan hadis, dan contoh lain yang seumpamanya. Akibat daripada sebab ini, struktur masyarakat pada era ini turut berubah. Demikian juga pada era Teknologi Maklumat

dan Komunikasi (ICT) ini, kemahiran memanfaatkan dan menggunakan Internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadamkan maklumat berasaskan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) telah menjadi satu keperluan. Tidak dinafikan juga bahawa telah terdapat usaha yang dilakukan bagi menyediakan ruang atau platform yang khusus bagi hadith di internet sama ada dalam bentuk laman sesawang hadith atau perisian hadith yang lebih khusus dengan tujuan supaya dapat dimanfaatkan bersama dan menjadi rujukan kepada ramai pihak. Antaranya, Dorar.net hadith, Sunnah.com, IslamWeb dan banyak lagi. Oleh itu, amatlah perlu untuk menitikberatkan kesahihan dan kualiti hadith yang disampaikan dan dipamerkan dalam usaha untuk menyebarkan hadith tersebut melalui platform. Pada hakikatnya, maklumat yang tidak tepat, palsu, atau sebaliknya muncul dalam bentuk maklumat yang tidak betul yang berkaitan dengan hadith tidak boleh didedahkan kepada umum.

Terdapat sepotong hadis yang bertepatan dengan perkara yang kita bincangkan di atas daripada Hadith Riwayat Ahmad, ath – Thabrani, ad – Daruqutni.

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ ۝

“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia.”

## ISU DAN CABARAN

Pendigitalan hadith ialah satu usaha baharu dalam upaya untuk meningkatkan capaian terhadap hadith nabawi melalui medium aplikasi masa kini. Secara dasarnya, digital hadith dibangunkan sebagai alat pendidikan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran yang lebih berkesan, manakala Islam menegaskan bahawa ianya perlu dimanfaatkan berdasarkan teras ketauhidan supaya tujuan pencarian ilmu dan maklumat selari dengan landasan syariat dalam memenuhi keperluan duniawi dan ukhrawi (Borham, 2018). Di samping itu, untuk mengelakkan fitnah dalam kemajuan ilmu Islam, maklumat yang diperlukan atau yang dihantar melalui penggunaan ICT hendaklah berdasarkan konsep kebenaran. Kerana hadith kenabian perlu dipelihara kesahihan dan kesahihannya agar tidak dijadikan alat oleh penentang Islam, maka inisiatif pemeliharaan hadith digital tidak terasing daripada masalah dan kesulitan dunia Islam. Antara isu yang mendapat diperhatikan seperti berikut: penyebaran hadith palsu merupakan suatu fenomena yang membimbangkan, golongan anti hadith yang memanfaatkan aplikasi-aplikasi ICT tertentu, serangan jenayah siber terhadap matan hadith dan isu berkaitan kelemahan dalam proses pemindahan teks hadith ke dalam visual digital.

Isu yang pertama yang sangat menjadi topik bualan pada masa kini adalah mengenai penyebaran hadith palsu. Isu penyebaran hadith palsu merupakan suatu fenomena yang membimbangkan khususnya di Malaysia yang sangat mudah didapati dari pelbagai sumber seperti media cetak mahupun elektronik (Dakir & Shah, 2008). Faktor malas mereka yang tegas menerima hadith-hadith yang diakses di internet menyebabkan kesilapan dan terkeluar daripada maksud dan pemahaman sebenar hadith-hadith yang mempengaruhi penyebaran hadith-hadith palsu ini melalui ICT. Oleh itu, perkara ini perlu diberi pertimbangan yang teliti bagi mengelaknya daripada menular ke seluruh masyarakat dan mengelak sebarang salah faham, penyelewengan, atau penyelewengan terhadap hadith-hadith Nabi Muhammad SAW yang boleh menjejaskan nama baik Islam.

Isu yang seterusnya ialah mengenai golongan anti hadith yang memanfaatkan aplikasi-aplikasi ICT tertentu seperti media sosial dalam rangka mengaburi kefahaman masyarakat dengan mempertikaikan peristiwa larangan penulisan hadith dan meragui keaslian hadith nabawi. Menurut Sudi (2016), Baginda SAW bimbang sekiranya umatnya disibukkan dengan perkara selain al-Quran, malah baginda bimbang akan mengelirukan al-Quran dan hadith,

sebab itu menulis hadith pada zaman awal adalah dilarang dalam agama Islam. Beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap kebolehan para sahabat menghafaz hadith sekiranya kebolehan itu bersandarkan kepada penulisan hadith tersebut. Memandangkan sanadnya dan masa yang dekat dengan zaman Baginda SAW, baginda menggalakkan orang ramai untuk menghafal hadith tersebut. Penyelewengan oleh Golongan Anti-Hadith terhadap sanad, matan, status, dan kepentingan dalam disertasi mereka di dua laman web berkenaan gerakan anti-hadith dalam talian.

Selain itu, isu mengenai serangan jenayah siber terhadap matan hadith. Pengaplikasian hadith ke dalam bentuk digital merupakan suatu usaha pemeliharaan dalam dimensi yang baharu. Namun hal ini tidak terlepas daripada isu keselamatan. Pemeliharaan hadith bukan sahaja melibatkan serangan jenayah siber seperti pencerobohan perisian, malah turut melibatkan faktor lain seperti penjagaan perkakasan, fizikal operasi sistem, peranti server dan sebagainya. Oleh yang demikian, para pembangun hadith digital dicadangkan supaya menggariskan prinsip-prinsip keselamatan, menjalankan pemantauan berterusan ke atas sistem keselamatan perisian. Walau bagaimanapun, ia bukan bersifat menyeluruh dan kebanyakannya perlu konsisten menaik taraf sistem keselamatan dari semasa ke semasa. Meskipun isu ini tidak dapat dibendung sepenuhnya, para pembangun ICT dapat menjamin pemeliharaan maklumat hadis di internet dengan mengurangkan berlakunya insiden keselamatan.

Yang terakhir adalah isu berkaitan kelemahan dalam proses pemindahan teks hadith ke dalam visual digital. Proses pemindahan teks hadith ke dalam medium digital seperti penyalinan teks di atas kertas ke dalam perisian komputer bukan sahaja menuntut kepada kemahiran dan ilmu dalam bidang hadith semata-mata malah ia melibatkan faktor lain seperti kesihatan yang baik dan suasana yang kondusif. Ia penting untuk menjamin penelitian dan fokus yang baik ketika penyalinan berjalan. Sekiranya aspek ini diabaikan, kemungkinan kesalahan akan berlaku walaupun kesalahan kecil seperti perubahan pada titik dan bentuk huruf. Pemeliharaan hadith di alam siber sangat penting untuk memastikan keaslian dan keautoritian data hadith serta melibatkan isu-isu etika. Perancangan yang rapi, komitmen dan kesungguhan yang tinggi serta penelitian dan fokus yang sangat mendalam sangat diperlukan dalam usaha penyalinan teks hadis secara digital (Zulkipli, 2012). Usaha gigih para ulama untuk memelihara hadith dalam bentuk tulisan juga telah mengakibatkan kesalahan dalam bacaan, penempatan titik dan baris, tulisan, dan bidang-bidang lain. Isu ini juga boleh berlaku semasa menyalin teks hadith ke dalam format digital menggunakan sumber manusia yang terhad.

Kesimpulannya, penggunaan hadith digital telah menyumbang kepada aspek pemeliharaan dalam dimensi yang baru. Oleh itu, usaha pemeliharaan hadith dapat disuburkan lagi dengan pengaplikasian teknologi baru dan menghasilkan kaedah penyampaian yang lebih efektif. Walaupun bagaimanapun, segala isu yang berkaitan dengan penggunaan hadith perlu diambil perhatian sewajarnya agar data dan maklumat hadith yang disampaikan adalah benar.

## **KESIMPULAN**

Pendigitalan hadith merupakan usaha merealisasikan konsep IR 4.0 dalam kehidupan umat Islam masa kini. Komitmen para sahabat yang berkesinambungan dari satu generasi ke generasi lain dalam usaha memelihara hadith telah berjaya diwarisi sehingga kini. Ketinggian keilmuan para ulama dalam merangka sebuah disiplin ilmu hadith telah melonjakkan anjakan pemikiran di mana masyarakat Islam boleh mengkaji, mempelajari, menilai dan mengetahui perihal sesuatu hadith sama ada boleh dijadikan hujah atau sebaliknya. Walaupun begitu, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani dengan serius supaya hadith digital yang dicapai oleh manusia merupakan hadith sahih dan autentik dari Nabi Muhammad SAW.

Maka, pihak-pihak berkepentingan menjaga keautoritian hadith seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan NGO Islam perlu bersama-sama menggembelng tenaga memastikan hadith digital ini selari dengan ajaran syariat Islam sebenar.

## **RUJUKAN**

- Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Wbsite Dan Software Hadis. In *Conference Proceeding International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD)*.
- Ahmad, K., Suliaman, I. H., Shah, F. A., & Rokhibi, A. M. (2019). Kriteria utama dalam pembangunan website hadith: satu analisis dan cadangan. *E-Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2019)*, 1-25.
- Al Farisy, N. R. (2021). *Kualitas Hadis-Hadis Dalam Channel YouTube Remisya*. KUALITAS HADIS-HADIS DALAM CHANNEL YOUTUBE REMISYA OFFICIAL.
- bin Doll Kawai, A. I. S., & bin Israbani, M. A. (2020). Kesilapan Berkaitan Teks Dalam Perisian Digital Islam: Kajian Kes Terhadap Perisian Al-Maktabah Al Syamilah Dan Jawal'Al-Kalim.
- Halim, A. A., Anas, N., Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Noor, M., Azmi, A. S., & Hassan, S. N. S. (2018). Popularity of digital hadith application (DHA) in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*.
- Kawai, A. I. S. D., Hassan, S. N. S., Amin, M. Z. M., Yabi, S., & Ismail, M. Y. (2018). Pengintegrasian aplikasi ICT berkaitan hadis dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis di universiti awam Malaysia. *Journal of Ma alim Al-Qur an Wa Al-Sunnah*.
- Khadher Ahmad. (2019). DIGITALISASI HADITH DI MALAYSIA ANALISIS TERHADAP KEPERLUAN KRITERIA PEMBANGUNAN WEBSITE DAN SOFTWARE HADITH. *International Conference on Islam in Malay World IX*.
- Mohd. Muhiden B. Abd. Rahman. (2004). SEJARAH PENULISAN DAN PEMBUKUAN HADITH: SATU SOROTAN. *Jurnal Usuluddin*, Bil 19, 115-138.
- Mohd. Yusuf Ismail, Mohd. Zaini Zakaria & A. Irwan Santeri Doll Kawai, (2011), Laman Sesawang Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif, dlm. Fauzi Deraman, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nur Aris, (2015), Digital Library: Mengenal al-Maktabah al-Syamilah, *LIBRARIA: Jurnal Perpustakaan*, 3(2): 166-180.
- Rahman, M. M. A. (2004). Sejarah Penulisan dan Pembukuan Hadith: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*, 19, 115-138.
- Shahril Nizam, Z., Norazmi, A., Mohd Syukri, M. N., Amran, A. H., Ahmad Sanusi, A., Syed Najihuddin, S. H., & Zulkifli, M. G. (2018). Prestasi Aplikasi Hadis Digital (AHD) dalam Persekitaran Interaktif. In *Proceedings* (pp. 57-66).
- Shahril, N. Z., Muhammad, F. M. F., & Suliaman, I. (2011). Pembelajaran capaian teks Hadith berautoriti di internet: kajian terhadap laman sesawang Islamweb.

Zulkipli, S. N., Anas, N., Suliaman, I., Ramlan, A. N. M., & Ahmat, A. C. Pemeliharaan Hadis Dalam Era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0): Isu dan Cabaran.

Zulkipli, S. N., Suliaman, I., Khalid, N. K., & Anas, N. (2021). An Introduction to The Application of Reception (Tahammul) of Hadith in the Digital Hadith Data Development Process. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 981-991.